

# Pelaksanaan Modul Transformasi Ehsan di Rumah MAIS (Baitul Ehsan dan Baitul Iman)

**BITARA**

Volume 6, Issue 3, 2023: 129-145  
© The Author(s) 2023  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 29 May 2023  
Accepted: 28 June 2023  
Published: 1 August 2023

## [Implementation of ‘Transformasi Ehsan’ Module at MAIS’ Rehabilitation Home (Baitul Ehsan and Baitul Iman)]

Fitri Munawaroh Zailani,<sup>1</sup> Muhamad Faisal Ashaari,<sup>1\*</sup> & Salasiah Hanin Hamjah<sup>1</sup>

1 Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA.  
Email: faisal@ukm.edu.my

\*Corresponding Author: faisal@ukm.edu.my

### Abstrak

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mempunyai suatu modul yang digunakan kepada pelatih di dua rumah pemulihan MAIS iaitu Baitul Ehsan dan Baitul Iman. Modul yang dinamakan dengan Modul Transformasi Ehsan ini telah diikuti oleh lebih kurang 2000 orang pelatih sejak 2014. Dalam tempoh ini, lebih 70% - 80% dari kalangan bekas pelatih telah dilaporkan berjaya merubah diri dan istiqamah setelah keluar dari pusat pemulihan. Oleh itu, kajian ini membincangkan cara modul ini dibangunkan dan dilaksanakan ke atas pelatih; mengkaji cabaran yang dihadapi dan penambahbaikan yang diperlukan. Kajian ini menggunakan metode kualitatif menerusi temu bual dengan tiga orang pakar yang terdiri daripada penguasa dan penggubal serta pelaksana modul telah ditemu bual melalui *Round Table Discussion (RTD)*. *Focus Group Discussion (FGD)* telah dijalankan ke atas 13 orang pelatih dari Baitul Iman dan Ehsan. Data temu bual dari RTD pula dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik, deskriptif dan naratif melalui perisian ATLAS.ti. Dapatan temu bual dari RTD mendapati bahawa Modul Transformasi Ehsan telah melalui proses pembinaan modul yang begitu teliti; mempunyai *training of trainer (TOT)* kepada pelaksana dan pendedahan awal kepada pelatih sebelum melaksanakan modul; memiliki program khusus bagi perlindungan luar kepada bekas pelatih yang tiada hala tuju; dan memperkasakan disiplin melalui sistem merit. Manakala, dapatan temu bual FGD menemui bahawa pelatih telah berubah setelah mengikuti modul ini. Namun, masih terdapat cabaran iaitu tiada subtajuk khusus berkaitan pengurusan komunikasi yang menjadi kekangan kepada pelatih ketika memulakan perbincangan dalam sesi perkenalan; dan tiada modul khusus berkaitan cara menangani dan menguruskan pelatih akidah. Justeru, hasil temu bual RTD mencadangkan agar penambahbaikan kandungan modul dapat disesuaikan mengikut keperluan semasa; dan modul diselaraskan dengan kesediaan pelaksana dan pelatih terutama dari sudut infrastruktur, kepakaran dan masalah yang dihadapi ketika melaksanakan modul. Kajian ini diharap dapat membantu pihak berkaitan memperbaiki amalan yang sedia ada dan meningkatkan keberkesanan pelaksanaan Modul Transformasi Ehsan.

**Kata kunci:** Pelaksanaan, Modul, Rumah Pemulihan, Baitul Iman, Baitul Ehsan, Pelatih

### Abstract

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) has a module that is used for trainees at two MAIS' rehabilitation homes, namely Baitul Ehsan and Baitul Iman. This module named "Transformasi Ehsan" has been participated by approximately 2000 trainees since 2014. During this period, more than 70%-80% of former trainees have reported successful self-transformation and istiqamah after leaving the rehabilitation center. Therefore, this study discusses the way this module is developed and implemented for trainees; examines the challenges faced and improvements needed. This study uses

a qualitative method through interviews with three experts consisting of supervisors, module drafters, and implementers who were interviewed through Round Table Discussion (RTD). The Focus Group Discussion (FGD) was conducted with 13 trainees from Baitul Iman dan Ehsan. The interview data from RTD was analyzed using thematic, descriptive, and narrative analysis approaches through ATLAS.ti software. Interview findings from RTD found that “Transformasi Ehsan” has gone through a very careful module construction process; has training of trainers for implementers and initial exposure to trainees before implementing the module; has a special program for external protection for former trainees who have no direction; and empowers discipline through the merit system. Meanwhile, the findings of the FGD interviews found that trainees have changed after following this module. However, there is still a challenge, which is that there is no specific sub-heading related to communication management, which is a constraint for trainees when starting the trial in the introductory session, and there is no specific module related to how to deal with and manage faith trainees. Thus, the RTD interview results suggest that the improvement of module content can be adapted according to current needs and that modules are coordinated with the readiness of implementers and trainees, especially from the point of view of infrastructure, expertise, and problems encountered when implementing modules. This study is expected to help related parties improve existing practices and improve the effectiveness of the implementation of the Ehsan Transformation Module.

**Keywords:** Implementation, Module, Rehabilitation House, Baitul Iman, Baitul Ehsan, Trainee

**Cite This Article:**

Fitri Munawaroh Zailani, Muhamad Faisal Ashaari & Salasiah Hanin Hamjah. (2023). Pelaksanaan Modul Transformasi Ehsan di Rumah Pemulihan MAIS (Baitul Ehsan dan Baitul Iman) [Implementation of ‘Transformasi Ehsan’ Module at MAIS’ Rehabilitation Home (Baitul Ehsan and Baitul Iman)]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(3): 117-128.

## Pengenalan

Pusat perlindungan merupakan institusi yang diwujudkan secara khusus untuk merubah dan membentuk pelatih menjadi manusia yang bermoral dan berakhlak mulia (Mariam et. Al, 2022). Institusi Islam mengambil inisiatif menubuhkan pusat pemulihan bertujuan untuk mengembalikan individu yang terlibat kepada cara hidup Islam. Kajian lepas membuktikan bahawa pusat perlindungan berperanan dalam menjalankan program pemulihan akhlak melalui pendekatan modul kerohanian, kemahiran, akademik dan bimbingan kaunseling (Nurul Husna, 2017; Mariam et. Al, 2022). Walau bagaimanapun, pusat pemulihan seringkali digambarkan oleh masyarakat dengan suatu tafsiran yang negatif memandangkan ianya dihuni oleh sejumlah pesalah akhlak dan moral (Nurul Husna & Khairul Hamimah 2020). Pandangan yang negatif ini menjadikan individu yang terlibat dengan masalah sosial berhadapan dengan tekanan dari aspek psikologikal (sikap rendah diri, personaliti dan kognitif) (Aslinda dan Yarina, 2017; Nur Diyanah & Siti Marziah, 2018; Norruzeyati et, al. 2020) sebelum menerima intervensi. Mereka juga mengalami masalah dari aspek sosiologi (sokongan sosial, penerimaan majikan, dan stigma masyarakat) selepas menerima intervensi (Nur Diyanah & Siti Marziah, 2018; Norruzeyati et, al. 2020) sehingga menyukarkan memperoleh pekerjaan dan pengintegrasian semula. Implikasi yang dinyatakan di atas bukan sahaja menjadikan kehidupan pesalah lebih sukar dan terasing bahkan boleh meningkatkan kecenderungan mereka untuk terus hanyut dan kembali ke masa gelap mereka.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah mengambil inisiatif yang serius dalam membimbing pesalah yang terlibat dengan masalah sosial. Pada 1998, MAIS telah menubuhkan Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman yang dikhususkan untuk lelaki. Manakala untuk perempuan pula ditubuhkan pada 2001 yang diberi nama Rumah Pemulihan Baitul Ehsan. Pada 2014, MAIS telah menggunakan modul yang dinamakan dengan Modul Transformasi Ehsan (TE) bagi membimbing pelatih bagi membuat pemulihan akidah dan akhlak (sosial) di dua rumah pemulihan ini. Dalam satu-satu sesi latihan, mereka akan masuk ke pusat pemulihan ini selama 6 bulan melalui perintah mahkamah atau secara sukarela dan diminta untuk mengikuti seluruh modul yang ditetapkan. Setelah 10 tahun pelaksanaannya iaitu antara tahun 2014 hingga 2024, seramai 2000 orang pelatih telah mengikuti latihan dan bimbingan. Kajian mendapati lebih 70% – 80% dari kalangan bekas pelatih telah dilaporkan berjaya merubah diri dan istiqamah setelah keluar dari pusat pemulihan (Majlis Agama Islam Selangor, 2021). Artikel ini akan menjelaskan pandangan tiga informan yang terdiri dari pelaksana kepada modul Transformasi Ehsan dan 13 peserta kajian bagi melihat pelaksanaannya dan cabarannya serta penambahbaikan yang diperlukan.

## Pengenalan Modul Transformasi Ehsan (MTE)

Modul Transformasi Ehsan telah dibangunkan pada 2014 oleh MAIS berasaskan kepada konsep T.E 1.9.5.7 untuk pembentukan dan pembangunan diri secara holistik. Huruf ‘T’ merujuk kepada perkataan Transformasi yang bermaksud perubahan secara holistik bagi melahirkan sifat positif, emosi yang stabil dan membentuk amalan yang istiqamah. Manakala Huruf ‘E’ merujuk kepada perkataan Ehsan yang bermaksud perubahan tulus ikhlas yang dilakukan atas prinsip ihsan iaitu “Jika aku tidak melihat Allah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat aku”. Pelaksanaan pula tertumpu terhadap individu yang mewakili angka ‘1’. Seterusnya angka ‘9’ iaitu sembilan falsafah yang diterapkan ke arah perubahan yang menjadi teras kepada setiap aktiviti yang dijalankan dalam proses pemulihan untuk mendedahkan kepada pelatih kaedah dan kepentingan memahami, menghayati dan mengamalkan sembilan falsafah ini. Manakala angka ‘5’ merujuk kepada lima proses utama sebagai tingkat usaha memahami 9 falsafah ke arah perubahan total iaitu Tahu, Percaya, Taat, Jihad dan Cinta. Oleh yang demikian, untuk mendapatkan impak maksimum, pihak pelaksana perlu memahami, menghayati dan mengamalkannya sebagai contoh nyata kepada pelatih. Kemudian, terdapat lagi tujuh aktiviti yang sebagai usaha pendedahan kepada pelatih untuk pemantapan kepada perubahan.

Jadual 1 : Sembilan Falsafah Perubahan Diri dan Tujuh Aktiviti Utama

Bil.	9 Falsafah Perubahan Diri	7 Aktiviti Utama
1	Beriman	Kerohanian
2	Model Terbaik	Kemahiran
3	Persaudaraan dan Kasih Sayang	Akademik
4	Jati Diri	Disiplin
5	Pedoman	Jasmani
6	Ikhlas	Bimbingan dan Kaunseling

7	Prihatin	Hidup Bermasyarakat
8	Berilmu	
9	Rela & Bahagia.	

Sembilan falsafah perubahan diri dan tujuh aktiviti ini didokumentasikan dalam bentuk penghasilan buku sub-modul. Terdapat 8 buah buku sub-modul yang dihasilkan iaitu Buku Sub-Modul 1: 9 Falsafah Perubahan Diri, Buku Sub-Modul 2: Kerohanian, Buku Sub-Modul 3: Kemahiran, Buku Sub-Modul 4: Akademik, Buku Sub-Modul 5: Disiplin, Buku Sub-Modul 6: Jasmani, Buku Sub-Modul 7: Bimbingan dan Kaunseling dan Buku Sub-Modul 8: Hidup Bermasyarakat.

## Modul Transformasi Ehsan

Modul Transformasi Ehsan mempunyai 8 buah buku sub - modul yang dihasilkan daripada 9 falsafah perubahan diri dan 7 aktiviti utama ke arah perubahan. Berikut adalah perincian berkenaan sub – modul dalam Modul Transformasi Ehsan.

## Modul Falsafah Perubahan Diri

Modul ini memperincikan lagi sembilan falsafah perubahan diri dalam bentuk aktiviti supaya dapat dihayati dan diamalkan dengan lebih berkesan. Sebanyak 26 aktiviti sendiri diselitkan sebagai pengukuhan kepada pelatih berkenaan tajuk yang diterangkan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Jadual 2: Aktiviti dalam Modul 9 Falsafah Perubahan Diri

Bil	Falsafah	Jumlah Aktiviti	Tajuk Aktiviti
1	Beriman	4	1 : Aku dan Iman 2 : Iman Mutiara 3 : Perkara yang Membatalkan Iman 4 : Ehsan dan Iman
2	Model Terbaik	4	1 : Model Insan Cemerlang 2 : Lau Kana Bainana 3 : Cinta Rasul 4 : Indahny Akhlakmu
3	Persaudaraan dan Kasih Sayang (ukhuwah)	4	1 : Indahny Bersaudara 2 : Saya Sayang Ibu dan Ayah 3 : Mereka Sahabatku 4 : Jiranku, Saudaraku

4	Jati Diri	3	1 : Membina Jati diri 2 : Bagaimana Membina Jati Diri? 3 : Muslimah Sejati
5	Pedoman	3	1 : Al-Quran, Bukan Sekadar Kitab 2 : Sunnah dan Sirah 3 : Belajar dari Alam dan Pengalaman
6	Ikhlas	2	1 : Ikhlasakah Aku ? 2 : Cemerlang dengan Keikhlasan
7	Prihatin	2	1 : Cubit Peha Kanan, Peha Kiri Terasa 2 : Cemerlang dengan Keikhlasan
8	Berilmu	2	1 : Ilmu dan Kehidupan 2 : Islam Membina Tamadun
9	Rela dan Bahagia	2	1 : Relakah Aku? 2 : Ku Ingin Bahagia
		26	

## Modul Kerohanian

Modul ini menyediakan pengisian berbentuk tazkirah dan kuliah yang dilaksanakan selepas solat. Ia mempunyai 26 slot yang mengambil masa selama 30 minit hingga 60 minit selepas solat. Para pelatih didedahkan dengan ilmu dan tazkirah yang berkaitan dengan aspek kerohanian dan keagamaan. Antara aspek yang diketengahkan adalah berkaitan dengan iman, beramal dengan ilmu, tokoh, ciri-ciri manusia yang berjaya dan motivasi. Pendekatan-pendekatan yang digunakan adalah seperti *Qiamullail*, *Nida' Subhi*, *Smart Solat*, Kelas Tahsin Al-Quran, Terapi Kendiri, Tazkirah Zohor, *Liqa' Asar*, Penawar Bagi Hati, Kuliah Maghrib, Halaqah Sentuhan Qalbu dan *Usrah*.

## Modul Kemahiran

Modul ini merangkumi pengisian-pengisian berbentuk kemahiran jahitan, masakan dan kraf tangan. Ia mempunyai 26 slot yang mengambil masa selama dua jam. Para pelatih didedahkan dengan ilmu kemahiran secara teori dan amali. Kelas ini wajib diikuti oleh semua pelatih kecuali bagi pelatih yang sedang berpantang. Kelas akan dikendalikan oleh guru pembimbing yang dilantik oleh MAIS. Ia merangkumi jahitan, kraf tangan dan masakan.

## Modul Akademik

Modul ini merangkumi pengisian-pengisian berbentuk kelas-kelas pengajian akademik dan fardu ain. Kelas ini dijalankan secara kelas atau program bagi meningkatkan pengetahuan dan pengamalan di samping memperoleh sijil bagi keperluan pelatih apabila tamat program pemulihan di pusat. Antara kelas yang disediakan ialah Tuisyen UPSR, PMR, SPM dan STPM, Fardu Ain, Kursus Pra-Perkahwinan dan Program Pengurusan Jenazah.

## Modul Disiplin

Modul ini menyenaraikan secara terperinci pelbagai aktiviti untuk melahirkan pelatih yang berdisiplin. Ia merangkumi pengisian-pengisian berbentuk taklimat, terapi dan kawalan disiplin yang dilaksanakan secara berkala. Setiap aktiviti disertakan dengan garis panduan pelaksanaan sebagai panduan pelaksana mengendalikan setiap aktiviti yang dicadangkan. Selain daripada itu, buku ini juga disusun secara sistematik termasuk dari aspek penerangan peraturan, pemantauan dan pengukuhan disiplin pelatih. Antara pengisian yang dijalankan ialah taklimat disiplin dan peraturan (Sesi Orientasi), pengurusan sistem merit, kawat, Ikrar dan senaman pagi, perhimpunan pagi, laporan keselamatan, rempuh halangan (Program Kembara) dan Terapi Liang Lahad.

## Modul Jasmani

Modul ini merupakan salah satu pendekatan yang digunakan untuk memberi pendedahan dan tunjuk ajar kepada para pelatih berkaitan dengan aspek fizikal, jasmani dan kesejahteraan hidup. Aspek ini amat penting dalam memastikan para pelatih berjaya dan cemerlang dalam semua aspek merangkumi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah dengan lebih efektif.

## Modul Bimbingan dan Kaunseling

Modul ini mempunyai dua bahagian. Bahagian A adalah Motivasi dan Kesedaran Kendiri. Bahagian B pula adalah Bimbingan dan Kaunseling. Bahagian A iaitu Motivasi dan Kesedaran Kendiri adalah diadaptasi daripada bahan-bahan dan aktiviti modul buku Modul Kaunseling Motivasi Berjaya ke Universiti yang ditulis oleh Mohammad Aziz Shah (2010). Penambahbaikan dan penyusunan semula telah dibuat untuk mendapatkan hasil yang lebih efektif mengikut penyesuaian kumpulan sasaran iaitu pelatih di Pusat Perlindungan Wanita, Baitul Ehsan. Motivasi dan Kesedaran Kendiri mempunyai 7 strategi dan 26 aktiviti yang mengambil masa selama 1 jam untuk pelaksanaannya. Ia merangkumi kesemua aspek personaliti, tingkah laku, cabaran kehidupan semasa dan sebagainya.

Jadual 3 : Bahagian A - Strategi Motivasi dan Kesedaran Kendiri

Bil	Strategi	Jumlah	Aktiviti
1	Kesedaran Kendiri	4	1 : Soal Selidik Menilai Sikap Diri 2 : Ikrar Saya Ingin Berubah

			3 : Mencari Rahsia Kesedaran dan Kejayaan
			4 :Merenung Kebesaran Ilmu
2	Motivasi Diri	5	1 : Mengapa dan Apakah Motivasi 2 : Mencari Sumber Motivasi 3 : Menghayati Slogan Cemerlang 4 : Membina Sistem Penghargaan dan Dendaan 5 : Mengamalkan Nilai Hidup
3	Potensi Diri	5	1 : Kehebatan dan Potensi Manusia 2 : Kekuatan, Kelemahan dan Tindakan 3 : Betul atau Salah? Apa ini? 4 : Potensi Sebuah Jam dan Dendaan 5 : Mengamalkan Nilai Hidup
4	Menetapkan Matlamat Hidup	3	1 : Ceramah Menetapkan Matlamat dalam Kehidupan 2 : Hikayat Hidup Mat Biasa 3 : Melukis Potret Kejayaan
5	Pengurusan Masa	3	1 : Kepentingan Masa 2 : Analisis Aktiviti dan Masa 3 : Senarai Aktiviti dan Keutamaan
6	Kemahiran Belajar	2	1 : Mengapa Kemahiran Belajar Penting 2 : Mengenali Tabiat Belajar Saya.
7	Jati Diri dan Menjauhi Gejala Sosial	4	1 : Ceramah Menjauhi Gejala Sosial 2 : Ancaman Gejala Sosial di Sekeliling Saya 3 : Strategi Mengatasi Punca Gejala Sosial 4 : Renungan Wasiat Lukman Hakim.

Bahagian B iaitu Bimbingan dan Kaunseling mempunyai lapan aktiviti yang mengambil masa bergantung kepada keperluan program. Ia turut merangkumi kesemua aspek kehidupan individu seperti personaliti, tingkah laku, kognitif, fizikal, sosial, keluarga dan sebagainya. Secara keseluruhannya, dengan pelaksanaan secara sistematik dan berdisiplin, pelatih akan mendapat faedah serta mencapai objektif yang telah digariskan serta Berjaya memotivasikan diri, mempunyai jati diri yang utuh, berkeperibadian unggul dan menjadi muslimah yang berjaya di dunia dan akhirat.

Jadual 4 : Bahagian B - Aktiviti Bimbingan dan Kaunseling

Bil.	Aktiviti Bimbingan dan Kaunseling
1	Kaunseling Individu
2	Kaunseling Kelompok
3	Kaunseling Keluarga
4	Lawatan Keluarga
5	Ziarah Keluarga
6	Kem Motivasi dan Kepimpinan
7	Mentor Mentee dan Alumni
8	<i>Bio Feed Back</i>

## Modul Hidup Bermasyarakat

Modul ini merangkumi pengisian-pengisian berbentuk aktiviti kemasyarakatan. Aktiviti ini dirancang bagi memberi pendedahan kepada pelatih untuk menjadi ahli masyarakat yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat. Aktiviti yang dilaksanakan seperti Gotong Royong 5S, Khidmat Komuniti, Lawatan Sambil Belajar, Baraan dan Pengurusan Walimah.

Modul Transformasi Ehsan ini dilaksanakan mengikut jangka masa dan silibus yang telah ditetapkan iaitu bermula dengan buku sub-modul 1 hingga sub-modul 8. Pelatih baru akan diberi pendedahan berkaitan Modul TE sewaktu berada dalam tempoh kuarantin bagi mengelakkan pelatih hilang arah sewaktu modul dijalankan. Modul ini dijalankan bersama 5 proses utama bagi memberi kesedaran dan penghayatan kepada 9 falsafah dan 7 aktiviti yang dijalankan. 5 proses utama tersebut Tahu, Percaya, Taat, Jihad dan Cinta. 5 proses ini jika dihayati serta diaplikasikan dalam diri, pelatih akan menjadi insan yang hebat luar dan dalam. Sebagai contoh, kelas kemahiran yang diikuti akan diajar untuk pelatih tahu cara menjahit dan memasak, kemudian akan diterapkan percaya bahawa setiap benda yang dilakukan itu akan datang sesuatu faedah kepadanya. Setelah itu, pelatih akan diajarkan menu sesebuah masakan untuk pelatih taat akan sesebuah menu bagi menghasilkan sebuah masakan. Dalam proses taat akan datang beberapa cabaran dan dugaan sama ada dari diri sendiri atau rakan pelatih. Maka dari situlah akan wujudnya proses jihad dan lama kelamaan akan menjadi cinta terhadap sesuatu perkara itu. Apabila sampai tahap cinta pelatih akan ikhlas untuk melakukan semua perkara tanpa di suruh dan dipinta.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kajian kualitatif menggunakan reka bentuk Kajian Kes. Data dikumpulkan menerusi temu bual dengan tiga informan menerusi *Round Table Discussion* (RTD). Mereka terdiri dari dua orang bekas penguasa RP (Rumah Pemulihan) MAIS dan seorang penggubal atau pelaksana modul (berkaitan Modul Transformasi Ehsan). Perbincangan Meja Bulat (*Round Table Discussion*) telah diadakan pada 8 Oktober 2020 (Khamis) secara fizikal di Fakulti Pengajian Islam dan dihadiri oleh 3 orang informan iaitu;



1. Bekas Penguasa Baitul Iman)
2. Bekas Penguasa Baitul Ehsan)
3. Penggubal dan Pelaksana Modul Transformasi Ehsan)

Soalan temu bual telah dibincangkan bersama ahli penyelidik seperti berikut;

1. Jelaskan secara ringkas tentang Modul Transformasi Ehsan
2. Ceritakan bagaimana Modul Transformasi Ehsan dilaksanakan ke atas pelatih
3. Huraikan bagaimana pengukuran dan penilaian Modul Transformasi Ehsan dilakukan ke atas pelatih

*Focus Group Discussion* (FGD) turut dijalankan ke atas 13 orang pelatih Baitul Iman dan Baitul Ehsan. 10 orang pelatih Baitul Ehsan dan 3 orang pelatih Baitul Iman telah ditemu bual secara berkumpulan berkenaan pandangan terhadap pelaksanaan modul yang dijalankan sepanjang berada di pusat pemulihan.

## Penganalisan Data

Data temu bual mendalam menerusi (RTD) dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik, deskriptif dan naratif melalui perisian komputer ATLAS. ti.

## Pelaksanaan Modul Transformasi Ehsan

Modul Transformasi Ehsan adalah modul tarbiah yang telah diuji sebelum dibukukan. Modul tersebut dibina berdasarkan program-program biasa yang dijalankan di Baitul Ehsan bagi membantu pelatih keluar dari kegelapan jahiliah. Modul ini dirangka seiring dengan program dan aktiviti yang dijalankan di Baitul Ehsan sebelum wujudnya Modul Transformasi Ehsan. Justeru itu, modul tersebut mudah diaplikasikan ke atas pelatih. Menurut Informan#3:

So yang MTE ni dia lebih .. dari segi pengisian dalaman.. di pusat itu.. kan.. yang mana sebelum ini.. pelaksanaan program macam biasa laa.. tapi tidak di dokumentasikan.. itulah bezanya.. apabila kita rangkakan balik.. sama Modul Transformasi Ehsan.. kita dokumentasikan.. kita uji.. dia ada nilai kesahan.. dan kebolehpercayaan ada laa.. so kita lebih kepada.. maknanya lebih kepada mengikut model kaunseling lah lebih kurang (Informan 3)

Bukan itu sahaja, Modul Transformasi Ehsan juga telah melalui proses pembinaan yang begitu teliti dan telus. Proses pembinaan modul ini mengambil masa hampir dua tahun. Ini membuktikan modul tarbiah yang dibina telah melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan. Sama seperti pembinaan Modul Istitabah yang dibina kemudian dibentangkan dalam mesyuarat dan diluluskan untuk diguna pakai dalam program pemulihan atau perlindungan golongan wanita. Berikut merupakan kenyataan informan#3:

Kemudian proses pembinaan tu lebih kurang dalam dua tahun.. 2012, 2013, 2014.. dah melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan dan kemudian kita bawa ke dalam mesyuarat JAWKAR dan diluluskan dalam mesyuarat.. dan boleh diguna pakai.. saya tak bawak dia punya hasil kajian tu (Informan 3)

Modul Transformasi Ehsan ini telah melalui beberapa fasa iaitu pertama : fasa pembinaan; kedua : fasa kesahan dan ketiga fasa kebolehpercayaan. Fasa pembinaan diselarikan dengan program-program sedia ada yang telah dilaksanakan di Baitul Ehsan sebelum wujudnya Modul Transformasi Ehsan. Manakala fasa kesahan adalah fasa pembentangan hasil kajian kepada ahli panel-panel pakar dan mereka memberi nilai terhadap modul-modul yang telah dibina tersebut. Hasil daripada kesahan pakar menunjukkan hasil yang tinggi dan ia boleh diterima untuk digunakan pada pelatih Baitul Ehsan. Berikut merupakan kenyataan sokongan daripada informan#3 :

Kita modul MTE kita telah melalui beberapa fasa itu tadi. Fasa pembinaan, fasa kesahan dan fasa kebolehpercayaan. Ok jadi, untuk fasa pembinaan tu, begitulah tadi. Takde masalah berkaitan itu. Kemudian tadi fasa kesahan kita bentangkan kepada ahli panel pakar-pakar dan juga profesional la. Dan mereka memberi nilai terhadap modul-modul kita itu tadi. Dan aaaa saya tak ingat dia punya ni tadi. Tapi, maknanya tinggi lah nilai kesahan dia tinggi. Maknanya boleh diterima. (Informan 3)

Bukan itu sahaja, fasa kebolehpercayaan juga dilakukan ke atas pelatih iaitu dengan membentangkan modul-modul tersebut dan diuji guna ke atas pelatih. Mereka memberi respons yang positif dan dapat memahami modul tersebut dengan baik. Modul yang dibina seiring dengan program-program yang telah dijalankan ke atas mereka. Justeru, modul tersebut disambut baik oleh mereka dan mereka memberi nilai yang sangat tinggi terhadap Modul Transformasi Ehsan tersebut. Berikut merupakan kenyataan sokongan daripada informan#3 :

Kemudian kita dah habis untuk fasa kesahan, kita bentangkan kepada pelatih. Kita ambillah beberapa pada ketika itu, dan mereka memberi nilai terhadap modul-modul yang telah kita bentangkan dan mereka faham tentang modul itu dan nilainya pun tinggi sebenarnya. Aaa.. jadi apabila kesahan dan kebolehpercayaan dia tinggi, maka maknanya modul ni boleh diguna pakai. Senang cerita macam tu lah. Dalam mesyuarat, ok nilai kesahan dan kebolehpercayaan dia tinggi. Ok lah tu. Maknanya boleh guna pakai (Informan 3)

Kebolehpercayaan tu pulak , kita bentangkan kepada pelatih mereka faham tak. Sebab mereka pun telah lalui dah program-program tu sebenarnya. Aaa.. jadi apabila mereka bentang mereka ohhh yang ni macam ni. Dan mereka memberi nilai, sesuai tak dengan pelatih. Ok dia kata ok. Program ni boleh. Mereka memberi nilai yang tadi tu lah (Informan 3)

Modul Transformasi Ehsan ini bukan sahaja mesra pelatih, malah ia juga mesra kepada tenaga pengajar di Baitul Ehsan. Modul ini dibekalkan dengan modul *Training of Trainer* (TOT) yang dibina khusus kepada tenaga pengajar Baitul Ehsan. Bukan itu sahaja, modul ini juga turut didedahkan kepada pelatih yang sedang menjalani tempoh kuarantin selama 14 hari agar mereka bersedia untuk mengikuti program dan aktiviti Modul Transformasi Ehsan#4.

Ini modul transformasi ehsan. 1957. Sebenarnya ini adalah modul transformasi ehsan ni, bukan sahaja kita beri TOT kepada pelaksana, tapi kepada pelatih-pelatih yang baru masuk. Dia masuk kuarantin, selama 14 hari tu, salah satu daripada silibusnya adalah penerangan berkaitan MTE. Apa yang diorang akan lakukan, pendedahan berkaitan MTE selain kiat beri dia pengisian-pengisian berkenaan hah apa, ibadah laa (Informan 4)

Baitul Ehsan atau lebih dikenali sebagai Pusat Perlindungan Wanita lazimnya merupakan salah satu tempat bergantung atau berharap kepada pelatih yang tiada sokongan keluarga. Justeru itu, inisiatif yang dilakukan pihak Baitul Ehsan iaitu dengan mewujudkan program perlindungan di luar bagi pelatih yang tiada hala tuju selepas keluar daripada Baitul Ehsan. Pihak Baitul Ehsan akan menyediakan rumah dan pekerjaan buat bekas pelatih yang tidak mendapat sokongan keluarga dan tiada hala tuju selepas keluar dari Baitul Ehsan#4.

program perlindungan di luar, selagi tak mampu survive, kita sediakan rumah dan pekerjaan untuk dia. (Informan 4)

Kaedah disiplin yang digunakan Baitul Ehsan sangat menarik serta berjaya menyuntik semangat pelatih Baitul Ehsan untuk menjadi yang terbaik. Baitul Ehsan menggunakan sistem merit dalam membentuk disiplin pelatih iaitu dengan memberikan 100% markah bagi setiap pelatih baru. Markah tersebut akan bertambah sekiranya mereka melaksanakan kerja-kerja yang diberikan dan sekiranya mereka melanggar atau tidak melaksanakan kerja-kerja yang diberikan, maka markah merit mereka akan ditolak.

Sistem merit ini turut menggunakan konsep *tarhib wa tarhib* iaitu dengan memberikan perkara yang mereka suka sekiranya mereka berhasil mengekalkan atau mendapat markah merit yang tinggi. Manakala mereka yang memperoleh markah merit yang rendah, mereka akan didenda dengan perkara yang mereka tidak suka lakukan. Bagi mereka yang bagus markah meritnya, pihak pengurusan Baitul Ehsan akan membawa mereka keluar berjalan melihat suasana luar dan didedahkan dengan persekitaran yang baik. Berikut merupakan kenyataan informan#3:

Disiplin tu berdasarkan pada sistem merit la, Siapa yang bagus meritnya kita akan bawak pergi berjalan. Jalan tu ada program dia.. kembara ilmu nama dia. Tengok suasana tempat lain, kita tunjuk biah solehah. Macam dekat pusat dan kita tengok juga macam mana dekat tempat lain daripada mesyuarat hal ehwal pelatih tu lah kita melihat kepada pelatih-pelatih yang nak keluar terutamanya untuk di ukur dari segi macamane kelayakan dia untuk keluar ke tak keluar ke. Nak tambah tempoh ke. Kecuali kes mahkamah la.. (Informan 3)

Bagi mereka yang memperoleh sistem merit yang rendah, pihak pengurusan akan menjatuhkan hukuman ke atas pelatih yang melebihi had rendah sistem merit tersebut. Ia juga akan dimasukkan semula ke dalam bilik kurungan Baitul Ehsan. Kenyataan ini disokong informan sebagai berikut#3 :

Hah itu lah, kita ada sistem merit. Kita ada hukum. Kalau dah sampai satu peringkat kalau dah melebihi kita masukkan dalam bilik kurungan (Informan 3)

## **Pandangan Pelatih terhadap Pelaksanaan Modul Transformasi Ehsan**

Berdasarkan temu bual (FGD) yang dijalankan ke atas pelatih Baitul Iman dan Ehsan menyatakan bahawa modul dan aktiviti yang dipelajari banyak membantu mereka berubah ke arah yang lebih baik. Berikut merupakan kenyataan dari peserta kajian :

Dulu kira masuk tak reda, banyak masalah, kat sini lepas dah dapat ilmu banyak-banyak, banyak zikir, rasa tenang, rasa macam selesa. Macam tu lah. Pembelajaran di sini banyak membantu saya mengubah diri supaya jadi lebih baik. (Peserta Kajian 2)

Belajar dekat sini banyak ubah diri saya. Contoh solat cukup waktu, rajin bangun qiam. In shaa Allah saya akan teruskan solat sebab dah terbiasa dah, sebab di sini boleh disiplin dengan ada anaknya, macam boleh handle la dari solat, nak solat, lepastu dengan anak lagi boleh handle la. Dok dekat sini rasa tenang, tak sebab dekat luar banyak masalah, dekat sini tenang (Peserta Kajian 4)

Tahu pasal belajar agama sikit-sikit tapi tak sempat, rasa bermotivasi untuk berubah lepas ini. Sekarang saya berazam nak cukup solat lima waktu lepas keluar dari sini. (Peserta Kajian 12)

Selain itu, peserta kajian turut menyatakan bahawa modul dan aktiviti yang dijalankan membantu mereka mendalami ilmu agama, malah turut memperoleh ilmu baru selain dari ilmu agama. Kenyataan ini disokong oleh peserta kajian :

Belajar dekat sini cukupla, seronok juga, dapat ilmu, refresh balik yang kita belajar lama dulu. Lepastu dapat tahu bahagian automative, agama dan hafazan. Alhamdulillah (Peserta Kajian 1)

Perkara yang tidak boleh dilupakan bagi saya dapat kenal dengan ustaz ustazah, dapat tambahkan ilmu agama. Sebenarnya nak dibandingkan dekat luar nak tambahkan ilmu agama ni susah lagi-lagi umur yang dah meningkat tua, lagipun dekat dalam ni salah satu jalan untuk tambah baik ilmu agama, bagi saya benda tu lah yang paling best, dibandingkan dekat luar, lagi-lagi orang meningkat usia ni, kadang-kadang malu nak belajar agama, malu. (Peserta Kajian 3)

Dekat sini daripada tak tahu mengaji dah tahu mengaji. Dari tak tahu qiam dah tahu. (Peserta Kajian 4)

*Recommend* orang masuk sini sebab dapat belajar ilmu, kawan-kawan sini baik, orang baik. (Peserta Kajian 7)

## **Cabaran Pelaksanaan Modul Transformasi Ehsan**

### **Tiada Subtajuk Pengurusan Komunikasi dalam Modul Kaunseling**

Pengurusan komunikasi dan emosi sangat penting untuk dipelajari dan dihayati. Namun, tiada subtajuk khusus berkaitan pengurusan komunikasi dalam modul kaunseling. Ianya penting kerana secara tidak langsung akan membantu pelatih untuk bijak dalam memulakan perbincangan dalam sesi perkenalan. Masalah pergaduhan sering berlaku kerana mereka tidak mampu mengawal emosi dan kurang kemahiran komunikasi yang baik. Justeru itu, penambahan subtajuk baru tentang pengurusan komunikasi ini harus diwujudkan. Kenyataan ini disokong oleh informan sebagaimana berikut#3:

Komunikasi Asertif, yang tu takde dalam modul kaunseling. Jadi ia perlu diletakkan dalam modul kaunseling perlu diletakkan juga dalam tu. Komunikasi Asertif, agresif dan pasif. Dan benda ni bermasalah bila tidak menggunakan komunikasi yang betul. Jadi yang itu takde. Itu yang agresif je semua. Ramai yang agresif, jadi bergaduh apa semua macam. Tu yang meritnya tu pun potong banyak la. Sampai negatif pun ada. (Informan 3)

### **Tiada Pendedahan Menguruskan Pelatih Akidah Wanita**

Pelatih Baitul Ehsan bukan sahaja terdiri daripada pelatih kesalahan sosial, malah pelatih wanita kesalahan akidah juga dimasukkan ke Baitul Ehsan. Namun, penggerak di kalangan kakitangan dan tenaga pengajar Baitul Ehsan tidak mampu memberikan program pemulihan akidah sepenuhnya kerana modul yang dibina khusus untuk pelatih kesalahan sosial. Justeru itu, pendedahan berkaitan Modul Istitabah perlu juga diberi dalam kalangan kakitangan dan tenaga pengajar Baitul Ehsan. Kenyataan ini disokong oleh informan sebagaimana berikut#3 :

Sebagai contoh ada jugak kes-kes melibatkan akidah, pemikiran ni. So yang itu kita akan panggil kaunselor yang berkaitan akidah ni lah. Untuk handle berkaitan dengan akidah ni. Cuma itu je lah yang kami mampu (Informan 3)

## **Cadangan Penambahbaikan Pelaksanaan Modul Transformasi Ehsan**

Secara umumnya, kajian mendapati MTE diterima baik pelaksanaannya dan memberi kesan positif kepada pelatih sepanjang mereka menjalani proses pemulihan di RP Baitul Ehsan dan Baitul Iman. Sungguhpun begitu terdapat beberapa cadangan penambahbaikan terhadap MTE oleh informan iaitu;

## Menambah Baik Kandungan MTE mengikut Keperluan Semasa

Ini adalah selari dengan keperluan semasa yang memerlukan MTE bersifat boleh digunakan sepanjang masa dan zaman. Penambahbaikan perlu dilakukan secara berterusan dan disesuaikan dengan kehendak semasa. Seperti contohnya memasukkan kemahiran komunikasi asertif dan pengurusan emosi yang berkesan bagi memperbaiki kemahiran komunikasi sesama pelatih agar mereka dapat hidup dengan lebih aman tanpa pergaduhan dan tingkah laku agresif malah dapat mempertingkatkan pengurusan marah, bertolak ansur, saling menghormati dan mengasihi antara satu sama lain. Ini juga boleh membantu pelatih mengatasi masalah kekurangan merit. Menurut informan #3 :

Dia sebenarnya modul ni perlu sentiasa ditambah baik sebenarnya modul ni. Kita perlu sentiasa buat bengkel-bengkel untuk tambah baik pengisian, konten yang ada dengan guru-guru ni la. Dan juga macam modul kaunseling. Itu pun perlu ditambah baik. Banyak benda yang perlu ditambah baik. Rasanya perlu ditambah lagi.(Informan 3)

Dalam Modul MTE perlu juga ditambah berkaitan keusahawanan agar pelatih dapat diberikan ilmu asas berkaitan keusahawanan termasuk penghasilan produk, pendaftaran syarikat, *packaging*, promosi dan pengurusan akaun. Ini penting bagi pelatih membina kehidupan selepas keluar daripada RP MAIS.

Jahitan dan kraf tangan yang dihasilkan oleh pelatih seharusnya boleh dipasarkan ke peringkat yang lebih tinggi. Namun, kekangan ilmu berkaitan pemasaran dan perniagaan telah membantutkan usaha menjual kraf tangan tersebut. Justeru itu, pendedahan berkaitan keusahawanan amat penting kerana ia akan menjadi nilai tambah kepada pelatih setelah keluar dari Baitul Ehsan ini nanti. Berikut merupakan kenyataan sokongan daripada informan :

Jahitan dan kraf tangan mungkin gabungan sebab yela tak ramai nak tapi mungkin lebih kepada nak buat bisnes, macam masakan boleh pergi kepada perniagaan maksudnya basic bisnes perniagaan tu ada .... Baitul Ehsan banyak hasilkan produk cuma pemasarannya tak tahu kemana (Informan 14)

## Menambah Baik Modul Seiring dengan Situasi Baitul Ehsan

Penambahbaikan MTE perlu juga diselaraskan dengan kesediaan Pelaksana (Penguasa/Guru/pembimbing) dan pelatih yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan MTE. Dengan perkataan lain, para penggubal MTE perlu memahami keadaan sebenar yang berlaku di Pusat Pemulihan MAIS dari sudut infrastruktur, kepakaran dan masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan.

Dia macam MTE ni, penyelidik buat bersama pelaksana. Kita buat sama-sama. Jadi benda tu senang kita nak aplikasi contoh macam kalau misalnya penyelidik kata nak buat macam ni, tapi kita sebagai pelaksana kita bagi tahu pandangan,

apa infrastruktur tak cukup ke, dari segi apa benda ni kan. Jadi benda tu menjadi aplikasi kepada MTE tu la. Kebolehan untuk dia dilaksanakan tu lebih besar. (Informan 4)

## Kesimpulan

Secara umumnya, semua pihak yang terlibat dalam temubual ini memberikan pandangan yang positif kepada pelaksanaan Modul Transformasi Ehsan dengan beberapa cadangan penambahbaikan. Peserta kajian yang ditemu bual melalui *Focus Group Discussion* (FGD) menyatakan bahawa diri mereka telah berubah menjadi insan yang lebih baik setelah mengikuti Modul Transformasi Ehsan tersebut. Manakala, hasil temu bual *Round Table Discussion* (RTD) ke atas informan mendapati bahawa modul ini telah dibangunkan dengan sebaiknya menerusi proses pembinaan yang teliti dan telus dengan melalui tiga fasa iaitu pembinaan, kesahan dan kebolehpercayaan. Selain itu, pelaksana kepada modul ini telah diberi latihan *Training of Trainer* (TOT) dan pendedahan awal kepada pelatih sebelum pelaksanaan modul. Malah bekas pelatih yang selesai menjalani latihan turut diambil perhatian khususnya dengan menyediakan rumah dan pekerjaan khususnya mereka yang tidak mendapat sokongan keluarga dan tiada hala tuju selepas keluar dari rumah pemulihan. Kekuatan kepada modul ini ialah pelaksanaan sistem merit yang memperkasakan disiplin dengan menggunakan konsep *targhib wa tarhib* dijalankan ke atas pelatih bagi membentuk disiplin dan peribadi pelatih agar menjadi manusia yang taat pada Allah SWT dengan melaksanakan semua perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Namun, di sebalik kekuatan pelaksanaan itu ada pula cabaran ketika melaksanakan modul tersebut. Hasil temu bual menyatakan dua bentuk cabaran ketika pelaksanaan modul itu dijalankan iaitu tiada subtajuk khusus berkaitan pengurusan komunikasi dalam modul kaunseling. Ia amat penting untuk diwujudkan supaya dapat membantu pelatih bijak dalam memulakan perbincangan ketika dalam sesi perkenalan. Cabaran kedua pula ialah tiada pendedahan atau modul khusus bagi menangani dan menguruskan pelatih akidah wanita. Kajian ini turut menyatakan beberapa bentuk cadangan hasil daripada temu bual iaitu menambah baik kandungan Modul Transformasi Ehsan dengan menyesuaikan modul mengikut keperluan dan kehendak semasa. Selain itu, kajian turut mencadangkan agar penambahbaikan modul diselaraskan dan bersifat anjal dengan kesediaan pelaksana (Penguasa/Guru/Pembimbing) dan pelatih terutama dari sudut infrastruktur, kepakaran dan masalah yang dihadapi ketika melaksanakan modul. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian ini diharap dapat dijadikan sumber maklumat sokongan bagi membantu pihak yang bersangkutan untuk meningkatkan keberkesanan Modul Transformasi Ehsan ke arah yang lebih baik.

## Rujukan

Adibah Bahori & Siti Zubaidah Ismail. 2018. Pencegahan dan Hukuman Perbuatan Buang Bayi Menurut Perundangan Syariah dan Sivil di Malaysia : Cukupkah Undang-undang yang ada?. *30 Kanun*, (2): 339-362.

- Alexander R. Bazazi, Jeffrey A. Wickersham, Martin P. Wegman, Gabriel J. Culbert, Veena Pillai, Roman Shrestha, Haider Al-Darraj, Michael M. Copenhaver, Adeeba Kamarulzaman, & Frederick L. Altice. 2017. Design and implementation of a factorial randomized controlled trial of methadone maintenance therapy and an evidence-based behavioral intervention for incarcerated people living with HIV and opioid dependence in Malaysia. *Contemp Clin Trial*, 59: 1-12.
- Aslinda, R., & Yarina, A. 2017. Workplace bullying: Cleaning workforces' economic. *Journal of Administrative Science Issue*, 14(3) : 1-5.
- Heni Susanti, Syafrinaldi & Wira Atma Hajri. 2022. Perbandingan Aturan Hukum tentang Tindak Pidana Perdagangan Orang di Indonesia dan Malaysia. *Jurnal Kodifikasi*, 4(1): 91-108.
- Khadijah Alavi, Maizatul Haizan Mahbob & Mohammad Syahrul Azha Soeed. 2020. Strategi Komunikasi Penjenayah Cinta Siber Terhadap Wanita Profesional. *Jurnal Komunikasi : Malaysian Journal of Communication*, 36(3): 296-311.
- Khadijah Alavi, Mohammad Syahrul Azha Soeed & Al-Azmi Bakar. 2018. *Love Scam* di Selangor : Satu Penerokaan Terhadap Modus Operandi Jenayah Siber ke Atas Wanita Profesional. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 21: 105-122.
- Majlis Agama Islam Selangor. 2021. *Laporan Kajian Keberkesanan Modul Istitabah dan Transformasi Ehsan dalam Kalangan Pelatih di Baitul Ehsan dan Baitul Iman Rumah Pemulihan MAIS*. Selangor : MAIS.
- Mariam Abd. Majid, Zainab Ismail, Aisyah Humairak Abdul Rahman, Abur Hamdi Usman, Noraini Mohamad, Noor Hafizah Mohd Haridi, Nurzatil Ismah Azizan & Gazali Gazali. 2022. Program Pemulihan Akhlak Remaja Delinkuen di Pusat Pemulihan Akhlak di Malaysia. *Journal of Human Capital Development*, 15(1): 1-19.
- Maszlee Malik & Mohd Yazid Zul Kepli. 2018. ISIS in Malaysia : Understanding Their Logics. *Islamiyyat*, 40(1): 15-22.
- Mohamad Shahbani Sekh Bidin & Fuziah Shaffie. 2019. Voluntary Sex, Rape and Incest among Unmarried Pregnant Female Adolescents in Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 22: 51-64.
- Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Nisar Mohammad Ahmad, Nur Mohammad Hadi Zahalan. Pengurusan dan Perlindungan Anak Tak Sah Taraf Melalui 'Baby Hatch': Satu Penilaian daripada Perspektif Maqasid Syariah dan Undang-undang Malaysia. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 13: 87-102.
- Muhammad Adnan Pitchan & Siti Zobidah Omar. 2019. Dasar Keselamatan Siber Malaysia. Tinjauan Terhadap Kesedaran Netizen dan Undang-undang. *Jurnal Komunikasi : Malaysian Journal of Communication*, 35(1): 103-119.
- Nabilah Huda Zaim, Norsaleha Mohd Salleh & Zuliza Mohd Kusrin. 2020. Elemen Kesejahteraan Keluarga Islam dalam Menangani Penderaan Seksual Kanak-kanak. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(2): 35-49.
- Nadiah Mohd Zin & Rositah Kambol. 2022. Sumbang Mahram (INSES): Satu Perbandingan antara Undang-undang Jenayah Islam dan Undang-undang Jenayah di Malaysia. *Journal of Law & Governance*, 4(1): 16-29.



- Nor Hasimah Ismail, Dayang Nur Amirah Awang Halifah & Mardzelah Makhsin. 2022. Faktor Masalah Sosial dalam Kalangan Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 7(46): 674-685.
- Nor Jana Saim. 2013. *Social Support, Coping, Resilience and Mental Health in Malaysian Unwed Young Pregnant Women and Young Mothers Their Experiences While Living in a Shelter Home*. (Tesis PhD). Sweden: Umeå University.
- Norruzeyati Che Mohd Nasir, Noor Azizah Ahmad, Ahmad Shukri Abdul Hamid, Mariny Abdul Ghani & Mohd Alif Jasni. 2020. Faktor Risiko Dinamik Residivisme dalam Kalangan Orang di Parol (ODP): Perspektif Kakitangan Parol. *Journal of Social Sciences (EJOSS)*, 6: 22-32.
- Nur Aisya Asyikin Mohd Zurita & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2022. Penyelewengan Akidah dalam Ajaran Sesat di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(2): 197-206.
- Nur Diyanah & Siti Marziah. 2018. Isu dan Halangan bagi Bekas Pesalah untuk Bekerja : Satu Perspektif. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(3): 62–68.
- Nurul Husna Mansor & Khairul Hamimah Mohammad Jodi. 2020. Program Pemulihan Akhlak Remaja Bermasalah : Kajian Terhadap Pengalaman Pelatih di Pusat Perlindungan Terpilih. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 7(2): 219 – 234.
- Nurul Husna Mansor, Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Raihanah Abdullah & Fakhru Adabi Abdul Kadir. 2017. Pemulihan Akhlak di Pusat Perlindungan Wanita : Kajian di Baitul Ehsan dan Dar Assaadah. *Jurnal Hadhari*, 9(2): 261-274.
- Zaiton, A. (2018). Faktor penghijrahan dan penumpuan bekas banduan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. *Malaysian Journal of Society and Space*, 14(1): 87-101.
- Zalmizy Hussin & Siti Rohana Ahmad. 2021. Identiti Maskuliniti (Kejantanan) Terhadap Keinginan untuk Berlumba dalam Kalangan Mat Rempit di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(5): 109-121.
- Zulkufli Ismail & Azmi Aziz. 2019. Jenayah Cinta Siber di Malaysia : Suatu Penelitoan Terhadap Pengalaman Mangsa. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(4): 1-10.